



## PEPERIKSAAN AKHIR TINGKATAN TIGA

# PT3 2017

## PENTAKSIRAN TINGKATAN 3

UJIAN BERTULIS

Ogos

2 Jam

02

Bahasa Melayu

### ARAHAN :

1. Buka kertas peperiksaan ini apabila diberitahu.
2. Tulis **nama** dan **angka giliran** anda pada ruang jawapan yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini.
4. Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Nama Pemeriksa :		
Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
1	8	
2	3	
3	10	
4	4	
5	10	
6	10	
7	10	
8	15	
9	30	
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	

NAMA : .....

ANGKA GILIRAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Arahan : *Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan satu soalan daripada Bahagian D.*

**BAHAGIAN A**

[25 markah]

1 *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Puan Rozita telah dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan memperhamba pembantu rumahnya.

---

(ii) Kakitangan pejabat sedang menyusun timbunan majalah-majalah yang terdapat di dalam stor bagi membudayakan amalan 5S.

---

(iii) Delegasi ASEAN sedang berbincang terhadap masalah pemanasan global yang sedang melanda dunia sekarang.

---

(iv) Pak Akob tidak kaya sangat tetapi dia sering membantu penduduk kampung yang kesusahan.

---

[8 markah]

2 *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Anak lelaki Mak Saidah suka menyendiri di dalam rumah kerana dia seorang yang anti sosial.

---

(ii) Pihak polis dan RELA bekerjasama untuk memastikan marathon antarabangsa itu berjalan lancar.

---

(iii) Adik mengambil setongkul jagung yang telah direbus oleh ibu pada pagi tadi.

---

[3 markah]

3 *Baca ayat majmuk di bawah dengan teliti. Kemudian cerakinkan ayat-ayat di bawah menjadi dua ayat tunggal.*

(i) Pengguna jalan raya itu memandu kereta sambil menggunakan telefon bimbit.

Ayat 1 : \_\_\_\_\_

Ayat 2 : \_\_\_\_\_

(ii) Pekerja-pekerja berkumpul di dewan untuk mendengar taklimat.

Ayat 1 : \_\_\_\_\_

Ayat 2 : \_\_\_\_\_

(iii) Puan Salmah suka melancong ke negara Eropah dan ke negara Timur Tengah.

Ayat 1 : \_\_\_\_\_

Ayat 2 : \_\_\_\_\_

(iv) Konsert amal itu meriah kerana terdapat ramai artis popular.

Ayat 1 : \_\_\_\_\_

Ayat 2 : \_\_\_\_\_

(v) Hakimi tidak terbaca nota yang panjang itu.

Ayat 1 : \_\_\_\_\_

Ayat 2 : \_\_\_\_\_

[10 markah]

- 4 *Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan gambar tersebut, tulis dua peribahasa yang sesuai.*



(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

[4 markah]

## BAHAGIAN B

[30 markah]

- 5 *Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

AZIZI: Abang harap saudara-saudara semua memandang positif teguran-teguran kami demi kebaikan kita bersama. Sekarang kita akan berkayak balik ke tempat permulaan.

MUZAFAR: Kali ini kami mahu lihat adanya semangat berekspedisi dan semangat setia kawan sesama saudara semua.

AZIZI: Sebelum sampai ke tempat permulaan kita semalam, abang akan suruh buat *rafting* sekali lagi.

NURUL: *Rafting* untuk apa pula, bang?

AZIZI: Kami nak ajar cara-cara menyelamatkan diri sendiri dan menyelamatkan orang lain jika ditakdirkan berlaku peristiwa kayak terbalik semasa kita sedang berekspedisi.

MUZAFAR: Ada beberapa cara memberi dan mendapatkan pertolongan seandainya peristiwa yang tidak diingini itu berlaku. Cara pertama dikenali sebagai *commando rescue*.

LIDIA: Apa bendanya itu, bang?

MUZAFAR: Dalam *commando rescue* kita akan cuba selamatkan diri kita dan masuk semula ke dalam kayak tanpa bantuan orang lain.

AZIZI: Selain itu, terdapat juga *T rescue* dan *H rescue*. Dalam kedua-dua cara ini, kayak-kayak berhampiran akan datang membantu kayak yang terbalik itu.

MUZAFAR: Dalam latihan kita nanti, kami mahu saudara semua memainkan kedua-dua peranan, iaitu sebagai orang yang diselamatkan dan juga sebagai penyelamat.

NURUL: Menarik bunyinya itu.

Dipetik daripada *Tenang-tenang Air Di Tasik*,  
antologi Bintang Hati, Tingkatan 3  
Aras Mega (M) Sdn. Bhd.

- (i) Berdasarkan petikan drama tersebut, apakah cara bantuan yang dapat diberikan jika kayak terbalik? [3 markah]

---

---

---

- (ii) Nyatakan **dua** perwatakan Muzafar yang terdapat dalam petikan di atas. [3 markah]

---

---

---

- (iii) Aktiviti sukan lasak dapat membantu anak-anak untuk meningkatkan jati diri, memantapkan keyakinan diri dan berani menghadapi cabaran.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang dapat dilakukan oleh ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak menyertai aktiviti sukan lasak?

[4 markah]

---

---

---

---

---

- 6 *Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

### Syair Pohon Buluh

- 1 Menara tinggi banyak bertingkat,  
Di sana tiada bilik bersekat,  
Tiada bertangga naik melekat,  
Mata-mata menjaga segenap pangkat.
- 2 Yang ada sedia panji-panji bendera,  
Hingga sampai ke kemuncak menara,  
Banyak ada ia bersaudara,  
Yang ada pula bersama gara.
- 3 Selalu dipandang dilihat adanya,  
Tinggi rendah dijerat pangkatnya,  
Besar kecil ikat binanya,  
Terlalu kuat pula asasnya.
- 4 Ikatnya licin di luar di dalam,  
Gelapnya di dalam seperti malam,  
Air tak tiris seperti kolam,  
Ikat tingkatnya tak nampak alam.

Mohd Yusof Md Nor dan Abd Rahman Kaeh  
(Penyelenggara)



Dipetik daripada Antologi  
*Kuingin Berterima Kasih* Tingkatan 1,  
Dewan Bahasa dan Pustaka



- (i) Apakah ciri-ciri menara tinggi yang terdapat dalam rangkap pertama syair di atas? [3 markah]

---

---

---

- (ii) Nyatakan **dua** bentuk Syair Pohon Buluh. [3 markah]

---

---

---

- (iii) Semangat perpaduan dapat mewujudkan negara yang aman dan harmoni.

Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang menyebabkan segelintir rakyat kurang kesedaran untuk mengamalkan semangat perpaduan?

[4 markah]

---

---

---

---


---

7 *Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 3.*

- (i) Hempasan Ombak karya Zailiani Taslim
- (ii) Justeru Impian di Jaring karya Zaid Akhtar
- (iii) Chot karya Azizi Haji Abdullah
- (iv) Tawanan Komander Caucasus karya Ruzaini Yahya

Latar tempat ialah tempat berlakunya sesuatu peristiwa dalam sesebuah novel.

Berdasarkan **sebuah** daripada novel di atas, buktikan pernyataan tersebut dengan mengemukakan **tiga** contoh peristiwa yang sesuai dengan latar tempat yang telah ditetapkan.



[10 markah]





**BAHAGIAN C**  
[15 markah]

- 8 *Lihat poster di bawah dengan teliti, kemudian tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.*




[15 markah]



**BAHAGIAN D**  
[30 markah]

- 9 *Teliti semua soalan karangan yang berkait dengan tema yang diberikan di bawah. Kemudian pilih satu daripada tiga soalan tersebut dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.*

**Tema:**  
**SUKAN**

- (i) Baru-baru ini anda sekeluarga telah menyertai program *Fit Malaysia* sempena Hari Sukan Negara.

Ceritakan pengalaman anda sekeluarga menyertai program tersebut.

- (ii) Kemenangan Azizulhasni Awang sebagai juara dunia dalam acara keirin Kejohanan Trek Berbasikal Dunia di Hong Kong telah membanggakan negara.

Huraikan usaha-usaha yang wajar dilakukan oleh pelbagai pihak untuk meningkatkan mutu sukan negara.

- (iii) Anda diminta menulis rencana bagi dimuatkan dalam majalah sekolah. Tajuk rencana tersebut ialah 'Sukan Menjana Pendapatan.'

Tulis rencana itu selengkapnya.













**PEPERIKSAAN AKHIR TINGKATAN TIGA**

**PT3 2017**

**UJIAN BERTULIS**

**Ogos**

**2 Jam**

**02**

**Bahasa Melayu**

**PANDUAN  
PENSKORAN**

## PERATURAN PEMARKAHAN PEPERIKSAAN AKHIR TINGKATAN 3 2017

## BAHAGIAN A

## 1) Kesalahan bahasa [8 markah]

BIL	KESALAHAN BAHASA YANG PERLU DIGARISKAN (1M)	JAWAPAN YANG PERLU DIBETULKAN (1M)	ASPEK YANG DIUJI	MARKAH
(i)	memperhamba	memperhambakan	Kata Kerja	2 m
(ii)	timbunan majalah- majalah majalah-majalah	timbunan majalah majalah	Kata Nama	2 m
(iii)	terhadap	tentang	Kata Sendi Nama	2 m
(iv)	tidak	bukan	Kata Tugas (Kata Nafi)	2 m

- Kesalahan bahasa yang digaris betul = 1m
- Jawapan betul = 1m
- Jika kesalahan bahasa yang digaris salah dan jawapan yang diberikan betul = 0 m

## 2) Kesalahan ejaan [3 markah]

BIL	SALAH	BETUL	MARKAH
(i)	anti sosial	antisosial	1 m
(ii)	marathon	maraton	1 m
(iii)	setongkul	setongkol	1 m

- 3) Cerakinkan ayat-ayat di bawah menjadi dua ayat tunggal. [10 markah]
- (i) Ayat 1 : Pengguna jalan raya itu memandu kereta. [1 m]  
Ayat 2 : Pengguna jalan raya itu menggunakan telefon bimbit [1 m]
- (ii) Ayat 1 : Pekerja-pekerja berkumpul di dewan. [1 m]  
Ayat 2 : Pekerja-pekerja mendengar taklimat. [1 m]
- (iii) Ayat 1 : Puan Salmah suka melancong ke negara Eropah. [1m]  
Ayat 2 : Puan Salmah suka melancong ke negara Timur Tengah. [1 m]
- (iv) Ayat 1 : Konsert amal itu meriah. [1 m]  
Ayat 2 : Konsert amal itu terdapat ramai artis popular. [1 m]
- (v) Ayat 1 : Hakimi tidak terbaca nota itu. [1 m]  
Ayat 2 : Nota itu panjang. [1 m]
- \*Jawapan yang tidak lengkap [0 m]**

## 4) Peribahasa [4 markah]

Tema : Budaya dan nilai masyarakat di Malaysia

MARKAH	KRITERIA
2 markah	- Peribahasa yang tepat
0 markah	- Peribahasa yang tidak tepat
0 markah	- Peribahasa (perumpamaan) yang digugurkan perkataan bagai, umpama, ibarat dan lain-lain

BIL	PERIBAHASA	MARKAH
(i)	Raja sehari	2 m
(ii)	Bagai pinang dibelah dua	2 m
(iii)	Seperti cincin dengan permata	2 m
(iv)	Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas	2 m
(v)	Biar mati anak, jangan mati adat	2 m
(vi)	Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah	2 m
(vii)	Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak	2 m
(viii)	Bersatu teguh, bercerai roboh	2 m
(ix)	Tak kenal maka tak cinta	2 m

*\* Menggugurkan/ menambahkan perkataan "seperti/bagai/bak/umpama/laksana" = 0 markah*



**BAHAGIAN B: (Pemahaman)****Soalan 5****Pemahaman Drama****Kriteria bagi soalan 3 markah**

<b>MARKAH</b>	<b>KRITERIA</b>
3 markah	- Isi cukup / lengkap dan ayat gramatis
2 markah	- Isi cukup tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup tetapi ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

(i) Cara bantuan yang dapat diberikan jika kayak terbalik ialah

- *commando rescue* / selamatkan diri kita dan masuk semula ke dalam kayak tanpa bantuan orang lain
- *T rescue* / kayak-kayak berhampiran akan datang membantu kayak yang terbalik itu
- *H rescue* / kayak-kayak berhampiran akan datang membantu kayak yang terbalik itu

**\* isi cukup: 2 daripada isi di atas**

[3 markah]

(ii) Dua perwatakan Muzafar yang terdapat dalam petikan ialah

- Seorang yang prihatin / mengambil berat terhadap orang lain
- Seorang yang berpengetahuan dalam aspek keselamatan
- Seorang yang mementingkan keselamatan
- Seorang yang sistematik
- Seorang yang berpandangan jauh

**\* isi cukup: 2 daripada isi di atas**

[3 markah]

**Kriteria bagi soalan 4 markah**

<b>MARKAH</b>	<b>KRITERIA</b>
4 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas serta ayat gramatis
3 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

(iii) Pada pendapat saya, langkah-langkah yang dapat dilakukan oleh ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak menyertai aktiviti sukan lasak ialah

- Ibu bapa menjadi suri teladan kepada anak-anak untuk menyertai aktiviti sukan lasak
- Ibu bapa membeli peralatan sukan lasak untuk anak-anak
- Ibu bapa memberi penerangan kebaikan menyertai sukan lasak
- Ibu bapa menggalakkan anak-anak menyertai sukan lasak
- Ibu bapa membawa anak-anak menyaksikan aktiviti sukan lasak

**\* Isi cukup : 2 daripada isi di atas atau isi-isi lain yang relevan**

[4 markah]

## 6) Pemahaman Puisi (Syair)

## Kriteria bagi soalan 3 markah

MARKAH	KRITERIA
3 markah	- Isi cukup / lengkap dan ayat gramatis
2 markah	- Isi cukup tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

## (i) Ciri-ciri menara tinggi yang terdapat dalam rangkap pertama syair ialah

- banyak bertingkat
- tiada bilik bersekat
- tiada bertangga naik melekat
- mata-mata menjaga segenap pangkat

**\*Isi cukup: 2' daripada isi di atas.**

[3 markah]

## (ii) Dua bentuk syair ialah

- empat rangkap
- empat baris setiap rangkap
- rima akhir a,a,a,a
- empat hingga lima patah perkataan sebaris
- sembilan hingga 13 suku kata sebaris

**\*Isi cukup: 2 daripada isi di atas**

[3 markah]

**Kriteria Bagi Soalan 4 markah**

<b>MARKAH</b>	<b>KRITERIA</b>
4 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas serta ayat gramatis
3 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

(iii) Pada pendapat saya punca-punca yang menyebabkan segelintir rakyat kurang kesedaran untuk mengamalkan semangat perpaduan ialah

- Segelintir rakyat mementingkan diri sendiri
- Segelintir rakyat kurang menghayati prinsip rukun negara
- Segelintir rakyat kurang menghormati perbezaan adat dan budaya sesuatu kaum
- Segelintir rakyat kurang menyokong kempen-kempen perpaduan yang jalankan oleh kerajaan
- Segelintir rakyat kurang menerapkan semangat perpaduan dalam kalangan anak-anak

**\*Isi cukup: 2 daripada isi di atas atau isi-isi lain yang relevan**

[4 markah]

## 7) Novel

**Pembahagian Markah**

PERINCIAN	MARKAH
Isi	6 markah
Bahasa	4 markah

**Kriteria Markah Bahasa**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	4 markah	- Bahasa baik dan lancar - Ayat gramatis - Ejaan dan tanda baca yang betul
Baik	2 - 3 markah	- Bahasa masih baik dan lancar - Penggunaan ayat masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - Kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
Kurang Memuaskan	1 markah	- Bahasa tidak cekap - Ayat tidak gramatis - Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara

**Markah Isi**

1. Maksimum : 3 isi
2. Peristiwa yang relevan dan contoh peristiwa yang sesuai : 2 markah
3. Peristiwa yang relevan tanpa contoh peristiwa yang sesuai : 1 markah

\* Kalau isi kurang, bahasa boleh dapat peringkat baik:

Contoh:	Isi	=	2 markah
	Bahasa	=	3 markah
			-
			5 markah

\* Pemarkahan secara holistik

\* Isi – peristiwa + contoh (1 markah + 1 markah = 2 markah)

\* Jika calon menulis dalam bentuk poin markah bahasa **kurang atau 0 markah**

<b>Hempasan Ombak, karya Zailiani Taslim</b>	
<b>Tempat: Bangsal Batik</b>	Peristiwa Encik Mokhsein merasmikan bangsal batik kepunyaan Syarikat Batik Nusantara. Majlis dijalankan secara sederhana dengan diiringi doa selamat dan jamuan makan yang turut dihadiri oleh 200 orang penduduk kampung.
	Peristiwa Hartini Noor menceritakan kaedah, corak dan sejarah batik asli (sarung) kepada Farid di bangsal batik dan menyebabkan Zuraida berasa cemburu. Mokhsein mencadangkan agar Farid mencari pekerja tempatan sebagai tambahan kepada 50 orang pekerja yang sedia ada.
	Peristiwa Mahmood yang merupakan pekerja Mukhtar mencari Azmi dan Masri di bangsal batik membuat batik moden kepunyaan Farid. Berlaku pertengkaran antara mereka. Hartini Noor meminta Mahmood beredar kerana lelaki itu sengaja menimbulkan kekacauan di bengkel.
	Peristiwa Farid memantau kerja-kerja di bangsal batik. Dia berasa kagum melihat hasil lukisan corak batik yang dibuat oleh Hartini Noor. Menurut Hartini Noor, kerja-kerja mencanting oleh pekerja baru seramai tujuh orang itu amat membanggakan.
	Peristiwa pada jam 2:00 pagi ketika seisi rumah Hajah Zaoyah dikejutkan dengan bunyi letupan yang kuat. Alangkah terkejutnya mereka apabila mendapati bangsal tempat pengeluaran batik moden sedang dijilat api. Lebih 75 peratus peralatan dan bahan mentah untuk membuat batik musnah.

<b>Justeru Impian Di Jaring, karya Zaid Akhtar</b>	
<b>Tempat: Kompleks Sukan</b>	<p>Peristiwa Syahir mendengar taklimat di kompleks sukan daripada Engku Aiman yang merupakan ketua jurulatih mengingatkan anak buahnya agar tidak mencampuradukkan hal peribadi atau publisiti semasa latihan.</p>
	<p>Peristiwa Boon Lee memberitahu Syahir tentang Kejohanan Badminton Terbuka Johor yang perlu disertai oleh mereka dalam masa terdekat ketika mereka berbual di kompleks sukan.</p>
	<p>Peristiwa Syahir menerima sindiran daripada Engku Aiman dan Syed Amiri di kompleks sukan sebab dia datang lambat. Dia dikatakan sudah menjadi seperti artis kerana ramai benar wartawan yang mencarinya untuk ditemu ramah.</p>
	<p>Peristiwa Bernard dan Syahir menjalani latihan badminton di kompleks sukan di bawah bimbingan jurulatih mereka yang bernama Haji Marzuki untuk melayakkan diri ke kejohanan dunia di Jakarta.</p>
	<p>Peristiwa Syahir ditemu ramah di kompleks sukan oleh wartawan yang bernama Azmie. Syahir berpesan kepada Azmie supaya dia tidak menulis perkara yang bukan-bukan tentangnya melainkan maklumat semasa ditemu ramah sahaja.</p>

<b>Chot, karya Azizi Haji Abdullah</b>	
Tempat: Sekolah	Peristiwa Alias dimarahi oleh Cikgu Sunan kerana datang lambat ke sekolah. Cikgu Sunan memarahi Alias hingga dia terhantuk di meja dan memberi kesan kepada telinganya.
	Peristiwa di sekolah iaitu Alias dan Som belajar Matematik di dalam kelas Cikgu Sunan. Cikgu Sunan juga meminta pelajar menyalin semula latihan Matematik yang ditulisnya menggunakan kapur.
	Peristiwa seekor beruk datang menghampiri kawasan sekolah sambil melompat-lompat dan makan buah-buahan. Murid-murid dan guru sekolah menyangka beruk tersebut adalah milik Alias tetapi telah dinafikan oleh Som kerana Som amat kenal ciri-ciri beruk yang dipelihara Alias.
	Peristiwa di sekolah ketika Guru Besar memanggil Cikgu Sunan dan menceritakan kisah hidup Alias. Guru besar juga telah menceritakan bahawa Alias seorang pelajar yang miskin dan dia ialah anak yatim piatu. Cikgu Sunan juga agak menyesal kerana telah memarahi Alias.
	Peristiwa di sekolah ketika Cikgu Sunan menjerit dan memarahi pelajar yang tidak meluruskan barisan ketika perhimpunan pagi. Cikgu Sunan juga memberikan nasihat kepada pelajar-pelajar lain supaya menghayati bacaan doa yang dibaca. Beliau juga minta semua pelajar mendengar setiap ajaran guru.



<b>Tawanan Komander Caucasus karya Ruzaini Yahya</b>	
Tempat: Rumah Farhani	<p>Peristiwa Mira dan Chea Mei pergi ke rumah Farhani setelah hampir dua jam menanti kemunculan Farhani di dusun datuk Farhani. Ibu Farhani, Puan Asmah mesra menyambut kedatangan mereka tetapi kehairanan apabila Mira dan Chea Mei menyatakan tujuan kedatangan mereka untuk bertemu dengan Farhan.</p>
	<p>Peristiwa keluarga Mira dan keluarga Chea Mei datang ke rumah Farhani pada waktu malam. Mereka berbincang dengan keluarga Farhani tentang kehilangan Farhani yang tidak dapat dikesan.</p>
	<p>Peristiwa pada hari ketiga kehilangan Farhani, Cikgu Salimah datang mengunjungi keluarga Farhani di rumahnya untuk bertanya khabar dan menyatakan rasa simpatinya. Encik Adnan dan Puan Asmah reda dengan kehilangan Farhani dan tidak sesekali menyalahkan Cikgu Salimah, apatah lagi untuk membawa kes tersebut ke mahkamah.</p>
	<p>Peristiwa Farhani tiba di rumahnya pada waktu malam dan dari kejauhan dia dapat melihat bapanya duduk di sisi ibunya yang kesedihan, abangnya dan kedua-dua kakaknya ada di rumah. Farhani memberikan salam banyak kali, namun dia kecewa kerana tiada seorang pun ahli keluarganya mendengar suaranya. Rupa-rupanya dia telah menjadi halimunan kerana dicucuk serum semasa menjadi tawanan.</p>
	<p>Peristiwa Farhani memeluk ibunya Puan Asmah sambil menangis tersedu-sedu. Bapa, abang dan kakaknya turut berada di ruang tamu rumahnya dan terkejut dengan kepulangan Farhani. Mereka memeluk Farhani kerana Farhani telah pulang ke pangkuan keluarga.</p>

**BAHAGIAN C : Ulasan****Soalan 8**

**Perkara yang perlu diberi perhatian semasa membaca jawapan calon:**

- (a) Pemeriksa perlu memberikan penekanan pada idea yang ditulis oleh calon.
- (b) Bahasa dinilai secara tanggapan (*impression*) berdasarkan kriteria.
- (c) Pemeriksa diminta menandakan kesalahan bahasa seperti penandaan jawapan karangan.
- (d) Peringkatkan markah calon berdasarkan kriteria di bawah:

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	13 - 15	<p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Isi tersurat dan tersirat yang relevan dengan bahan</li> <li>- Ulasan idea yang jelas dan matang</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ayat gramatis</li> <li>- Kosa kata luas dan tepat</li> <li>- Ejaan dan tanda baca betul</li> <li>- Penanda wacana yang betul</li> <li>- Kesalahan bahasa yang minimum</li> </ul>
Baik	09 - 12	<p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Isi tersurat dan tersirat yang relevan dengan bahan</li> <li>- Ulasan idea yang jelas</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ayat masih gramatis</li> <li>- Kosa kata luas</li> <li>- Ejaan dan tanda baca masih betul</li> <li>- Penanda wacana yang masih betul</li> <li>- Kesalahan bahasa yang masih minimum</li> </ul>

Kurang Memuaskan	05 - 08	<p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Isi tersurat atau tersirat yang masih relevan dengan bahan</li> <li>- Ulasan idea yang kurang jelas</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ayat kurang gramatis</li> <li>- Kosa kata terhad</li> <li>- Kesalahan bahasa yang ketara</li> </ul>
Penguasaan Minimum	01 - 04	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap</li> </ul>

**Cara penandaan dan pemberian markah ulasan:**

- (i) Periksa dikehendaki menandakan (/) apabila terjumpa isi.
- (ii) Baca dan periksa setakat 100 patah perkataan sahaja atau sehingga ayat itu berakhir.
- (iii) Buat satu garisan panjang selepas 100 patah perkataan atau sehingga ayat itu berakhir.

**Nota tambahan :**

- a. Ulasan kurang daripada 80 patah perkataan :
  - Kurang matang
  - Jika bahasa baik, **maksimum 12 markah**
- b. Ulasan lebih daripada 100 patah perkataan.
  - **Maksimum 13 markah** (dikenakan penalti kerana tidak mematuhi arahan soalan)
- c. Jika calon menyalin maklumat yang terdapat dalam bahan rangsangan (hanya maklumat sahaja, tanpa sebarang binaan ayat sendiri) – **maksimum 5 markah**
- d. Jika ulasan idea hanya merujuk tema bahan tetapi tidak menggunakan sebarang maklumat yang terdapat dalam bahan rangsangan – **maksimum 8 markah**
- e. Jika salin semua isi tersurat tetapi bahasa baik – **5 hingga 8 markah**
- f. Jika tiada pendahuluan dan penutup – **terima**
- g. Jika pelajar tidak menulis jumlah perkataan, guru wajib kira.
- h. Tanda (✓) jika dalam ayat itu tiada kesalahan.
- i. Jika ada kesalahan bahasa, gunakan simbol (/) dan tidak perlu tanda (✓) di hujung ayat.
- j. Penanda wacana / peribahasa dikira satu patah perkataan.

**KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK**

Cadangan jawapan:

Isi Tersurat:

1. Mengambil masa 500 tahun untuk terurai
2. 280 juta tong minyak mentah digunakan untuk menghasilkan plastik setahun
3. Proses pembuatan menggunakan polyethylene yang mencemarkan udara
4. Tiada beg plastik mulai Januari 2016
5. Bawa beg bersama ketika membeli-belah

Isi tersirat:

1. Pencemaran alam dapat dibendung
2. Menjimatkan bahan mentah / sumber bahan asli
3. Komitmen masyarakat dalam menjaga alam sekitar
4. Kualiti udara akan terjejas
5. Mendidik masyarakat agar bertanggungjawab terhadap alam sekitar / menyokong kempen hari tanpa beg plastik

**NOTA:**

- i. Idea mesti merangkumi kedua-dua bahagian isi tersurat dan isi tersirat.
- ii. Terima mana-mana idea pelajar yang relevan.

**BAHAGIAN D : KARANGAN****Soalan 9**

<b>PERINGKAT</b>	<b>MARKAH</b>
Cemerlang	26 - 30
Kepujian	20 - 25
Baik	15 - 19
Kurang Memuaskan	10 - 14
Penguasaan Minimum	01 - 09

**Kriteria Menilai Kemahiran Menulis**

<b>KRITERIA</b>	<b>DESKRIPSI</b>
<b>BAHASA</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kegramatisan : Kata (Morfologi) : Ayat (Sintaksis)</li> <li>- Ejaan dan tanda baca</li> <li>- Kosa kata</li> </ul>
<b>IDEA</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Isi-isi</li> <li>- Huraian isi</li> <li>- Contoh</li> </ul>
<b>PENGOLAHAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengolahan</li> <li>- Pemerenggan</li> <li>- Format</li> <li>- Unsur keindahan bahasa / ungkapan menarik</li> </ul>

## Kriteria Penskoran

PERINGKAT	MARKAH	DESKRIPSI
<b>CEMERLANG</b>	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Idea relevan dengan tugas</li> <li>- Huraian idea jelas, menarik dan matang</li> <li>- Contoh yang sesuai</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan ayat bervariasi dan gramatis</li> <li>- Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li> <li>- Ejaan dan tanda baca yang betul</li> <li>- Kesalahan bahasa minimum</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengolahan menarik, berkesan dan matang dengan pemerenggan yang sesuai</li> <li>- Format menepati kehendak tugas</li> <li>- Penggunaan penanda wacana yang tepat</li> <li>- Penggunaan ungkapan menarik, tepat dan berkesan seperti peribahasa / pantun / cogan kata / frasa yang menarik</li> </ul>
<b>KEPUJIAN</b>	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Idea relevan dengan tugas</li> <li>- Huraian idea jelas dan menarik</li> <li>- Contoh yang sesuai</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan ayat bervariasi dan gramatis</li> <li>- Penggunaan kosa kata luas</li> <li>- Ejaan dan tanda baca yang betul</li> <li>- Kesalahan bahasa minimum</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengolahan menarik, berkesan dengan pemerenggan yang sesuai</li> <li>- Format menepati kehendak tugas</li> <li>- Penggunaan penanda wacana yang sesuai</li> <li>- Penggunaan ungkapan menarik, sesuai dan berkesan seperti peribahasa / pantun / cogan kata / frasa yang menarik</li> </ul>

<p style="text-align: center;"><b>BAIK</b></p>	<p style="text-align: center;">15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)</p>	<p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Idea masih relevan dengan tugas</li> <li>- Huraian idea masih jelas dan masih menarik</li> <li>- Contoh yang masih sesuai</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan ayat masih bervariasi dan masih gramatis</li> <li>- Penggunaan kosa kata masih luas</li> <li>- Ejaan dan tanda baca masih betul</li> <li>- Kesalahan bahasa masih minimum</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengolahan masih menarik dan masih berkesan dengan pemerenggan yang masih sesuai</li> <li>- Format masih menepati kehendak tugas</li> <li>- Penggunaan penanda wacana masih sesuai</li> </ul>
<p style="text-align: center;"><b>KURANG MEMUASKAN</b></p>	<p style="text-align: center;">10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)</p>	<p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Idea kurang relevan dengan tugas</li> <li>- Huraian idea kurang jelas dan kurang menarik</li> <li>- Tiada contoh atau contoh kurang sesuai</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan ayat kurang bervariasi dan kurang gramatis</li> <li>- Penggunaan kosa kata terhad</li> <li>- Kesalahan bahasa ketara</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengolahan kurang menarik, kurang berkesan dan pemerenggan yang kurang sesuai</li> <li>- Format kurang menepati kehendak tugas</li> <li>- Penggunaan penanda wacana kurang sesuai</li> </ul>
<p style="text-align: center;"><b>PENGUASAAN MINIMUM</b></p>	<p style="text-align: center;">01 - 09</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan kemahiran menulis yang lemah</li> <li>- Tidak menjawab tugas atau karangan tidak menepati kehendak soalan / terpesong.</li> </ul>

**Langkah-langkah memeriksa**

1. Pemeriksa hendaklah membaca karangan itu sekali lalu terlebih dahulu untuk mendapatkan kesan (impression) daripadanya. Perkara yang perlu diperhatikan semasa membuat pertimbangan adalah dengan menjawab tugas, bahasa, kerelevanan idea dan pengolahan. Kemudian, nilaikan dan tetapkan mengikut karangan berkenaan berdasarkan kriteria penskoran yang disediakan.
2. Baca karangan itu sekali lagi dengan teliti untuk membuat pertimbangan yang muktamad. Ketika membaca, tandakan kesalahan-kesalahan bahasa, tanda baca, ejaan dan isi / fakta seperti berikut:

—	Kesalahan bahasa, perkataan dan frasa
/	Kesalahan ejaan
//	Kesalahan ejaan yang berulang
○	Kesalahan tanda baca
[ . ]	Kesalahan isi / fakta

3. Pemotongan markah untuk ejaan yang salah :
  - a. ½ markah dipotong bagi ejaan yang salah
  - b. Pemotongan keseluruhan yang tidak lebih daripada 2 markah
  - c. Kesalahan ejaan yang berulang tidak diambil kira
  - d. Ejaan hendaklah mengikut sistem ejaan Rumi Baharu Bahasa Melayu



**4. Nota tambahan :**

- a) Bahan rangsangan digunakan untuk mencetuskan idea kepada pelajar.
- b) Karangan peringkat cemerlang – mempunyai kepelbagaian jenis ayat, ada peribahasa dan huraian yang matang (**berfikir di luar kotak**).
  - \*Karangan panjang tetapi tidak matang tidak layak dapat cemerlang.
  - \*Kesahan muka – pemerenggan yang sempurna (ada pendahuluan, isi dan penutup)
  - \*3 atau 4 isi boleh diterima.
- c) Jika salah format turun impression – markah maksimum peringkat **baik** (15 – 19 markah)
- d) Isi yang tidak dikembangkan – peringkat **baik** (15 – 19 markah)
- e) Karangan yang tiada penutup tetapi bahasa cemerlang – peringkat **kepujian** (20 – 25 markah)
- f) Karangan yang tidak menjawab tugas / tidak tepat – peringkat **kurang memuaskan** (10 – 14 markah)

Soalan i - Baru-baru ini anda sekeluarga telah menyertai program *Fit Malaysia* sempena Hari Sukan Negara.

Ceritakan pengalaman anda sekeluarga menyertai program tersebut.

- a. Format : Tiada
- b. Diharapkan : Pelajar menceritakan pengalaman dirinya dan keluarga menyertai program *Fit Malaysia* sempena Hari Sukan Negara.
- c. Cadangan jawapan :
  - Kaunter pendaftar – nombor, nama, baju dan lain-lain
  - Perasmian program *Fit Malaysia*
  - Senam robik
  - Acara-acara yang berlangsung – larian, persembahan dan lain-lain
  - Penyampaian hadiah

Kemungkinan calon hanya menceritakan pengalaman dirinya sahaja – peringkat **baik**.

Soalan ii - Kemenangan Azizulhasni Awang sebagai juara dunia dalam acara keirin Kejohanan Trek Berbasikal Dunia di Hong Kong telah membanggakan negara.

Huraikan usaha-usaha yang wajar dilakukan oleh pelbagai pihak untuk meningkatkan mutu sukan negara.

- a. Format : Tiada
- b. Diharapkan: Pelajar menghuraikan usaha-usaha yang wajar dilakukan oleh pelbagai pihak untuk meningkatkan mutu sukan negara.
- c. Cadangan jawapan :
  - Kerajaan (Kementerian Belia dan Sukan) menambah baik kemudahan sukan.
  - Pihak swasta menyediakan penajaan untuk atlet.
  - NGO/badan bukan kerajaan menyokong usaha-usaha kerajaan memberi galakan dan ganjaran.
  - Media massa menyiarkan kejayaan-kejayaan atlet sukan negara.
  - Pihak sekolah mencungkil bakat atlet muda.
  - Masyarakat mengadakan aktiviti sukan.
  - Ibu bapa memberi dorongan kepada anak-anak melibatkan diri dalam bidang sukan.
  - Individu perlu bergiat aktif dalam pelbagai bidang sukan.

Kemungkinan calon hanya membincangkan peranan satu pihak sahaja – peringkat **kepujian**.

Soalan iii - Anda diminta menulis rencana bagi dimuatkan dalam majalah sekolah. Tajuk rencana tersebut ialah 'Sukan Menjana Pendapatan.'

Tulis rencana itu selengkapnya.

- a. Format: Rencana
- b. Diharapkan: Pelajar menulis rencana bertajuk 'Sukan Menjana Pendapatan.'
- c. Cadangan jawapan :
  - Pendapatan untuk negara.
  - Pendapatan untuk individu.

Kemungkinan calon menulis karangan tidak mengikut format rencana – peringkat kepujian.

#### **PANDUAN PENSKORAN TAMAT**